

AKHBAR : MAJALAH PA&MA

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 06 OKTOBER 2021

HARI : RABU

SENTIMEN : POSITIF

Pa&Ma

VIDEO ▾ KEHAMILAN KELAHIRAN KEIBUBAAPAN ▾ KESIHATAN ▾ PERKEMBANGAN ANAK ▾ FIESTA ▾ REVIEW PA&MA CLUB JENAMA PILIHAN



Happening

Ibu Ayah Kena Jadi Superhero Anak-Anak Kalau Nak Masa Depan Mereka Terjamin, Mulakan Dari Sekarang!

Oleh NuFa - October 6, 2021



Sebagai ibu bapa, pastinya kita inginkan masa depan yang cerah buat anak-anak supaya kehidupan mereka lebih terjamin. Tapi bagaimana caranya untuk kita merancang masa hadapan anak-anak?

Ibu bapa tidak perlu risau lagi kerana ibu bapa boleh merancang kewangan melalui penabungan agar anak-anak berjaya melanjutkan pengajian tanpa masalah kewangan dan pada tahun ini PTPTN telah membawa tema baharu iaitu Galaksi sempena Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2021 yang merupakan program signature PTPTN yang diadakan pada 31 Oktober setiap tahun dengan mengekalkan tagline Jom Jadi Superhero anak anda.

Majlis Pelancaran BMS disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN dan turut dihadiri oleh Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN yang membuat penampilan istimewa bagi memeriahkan lagi majlis yang telah diadakan pada minggu lepas secara maya menerusi Facebook rasmi di PTPTNOfficial dan Youtube rasmi di PTPTNTV.



Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN bersama hos program semasa sesi Penampilan Istimewa Superhero BMS 2021

BMS 2021 diadakan sepanjang bulan Oktober iaitu bermula 1 hingga 31 Oktober 2021 dengan pelaksanaan secara maya serta mematuhi SOP norma baharu. BMS 2021 juga membawa kelainan dari tahun sebelum ini dengan adanya pelbagai program dan pertandingan baharu yang menarik untuk disertai oleh ibu bapa dan anak-anak.

Program yang diadakan secara langsung melalui media sosial rasmi PTPTN akan menampilkan artis istimewa, panel jemputan dan influencer yang dibawakan khas untuk memeriahkan lagi BMS 2021.

Antara program yang disediakan untuk disertai oleh ibu bapa dan anak-anak antaranya:

- Bonding Chef Junior
- Sembang Santai BMS 2021
- Forum Cakna Kewangan
- Siri P&T
- Detik Indah Bersama Si Manja
- My Parents, My Real Superheroes.

Manakala program berbentuk pertandingan pula ialah:

- Fotografi Simpan SSPN
- Chef Junior Simpan SSPN
- Simpan SSPN Got Talent
- Colouring Contest Simpan SSPN
- Snap & Win Simpan SSPN
- Happy Hour
- Quizizz
- Cabaran #SuperheroSiManja

Menurut Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN, "BMS 2021 merupakan salah satu program yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh PTPTN bermula tahun 2018 lagi sebagai program promosi dalam usaha menjadikan produk Simpan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan di samping menikmati keistimewaan yang disediakan. Selain itu, program seumpama ini dilihat mampu menyampaikan maklumat dan memberi pendedahan mengenai perancangan kewangan serta memupuk amalan menabung di kalangan ibu bapa dan anak-anak."



Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN melancarkan BMS 2021 semasa sesi live di Facebook dan Youtube rasmi PTPTN

"Hari Tabungan Sedunia atau dikenali juga sebagai World Savings Day membawa objektif utama iaitu menyemai semangat penabungan masyarakat di seluruh dunia. Walaupun dunia dan negara kini masih lagi dilanda pandemik Covid-19, ia bukan suatu alasan untuk kita tidak menyemai semangat menabung. Malah, sewajarnya kita menggunakan perkhidmatan dan kemudahan melalui platform digital selaras dengan pelbagai inisiatif pendigitalan yang semakin mendapat perhatian semasa pandemik ini untuk merangka pelbagai inisiatif penabungan. PTPTN telah menyediakan kemudahan transaksi secara dalam talian termasuk pembukaan akaun Simpan SSPN dan penambahan deposit tanpa perlu hadir ke kaunter. Usaha ini juga bagi menggalakkan penabungan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pembukaan atau penambahan simpanan secara dalam talian adalah lebih cepat, mudah dan selamat dengan melayari www.lovespnn.com."

"Keutamaan saya ialah agar masyarakat di luar sana berpeluang menikmati pelbagai manfaat untuk tabungan pendidikan sekali gus menjadikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan isi rumah. Inilah Peluang Kejayaan Anda." ujarnya lagi.

Jadi bagaimana caranya untuk kita pastikan hanya yang terbaik untuk anak-anak?

Ayuh, sempena Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2021 sama-sama kita pelajari cara menjadi SUPERHERO anak dengan menyertai webinar Detik Indah Bersama Si Manja.



DETIK INDAH BERSAMA SI MANJA

Sertai webinar Simpan SSPN x PA&MA sempena Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2021. Jadikan setiap detik bersama si manja detik terindah hingga menuju jaminan masa depan yang cerah.

Yuran Pendaftaran
RM20

TOPIK MENARIK!

30 OKT 2021
SABTU
9.00 Pg - 1.00 Ptg



Ibu Ayah Superhero Anak-Anak?
Pn Wawa Shauqi

Persiapan Superdad Buat Masa Depan Anak
En Khairul Abdullah



BERSAMA HOS
FEEYA ISKANDAR



Perjalanan Bergelar Seorang Ibu Dalam Memberi Yang Terbaik Buat Si Manja
Farah Nabilah

Daftar Di Sini



Untuk Keterangan Lanjut:

013 - 997 4978



Dibawakan oleh:



Disokong oleh:



Tabung Impian

PTPTN turut memperkenalkan Tabung Impian dengan tujuh (7) karakter seperti Angkasawan, Bomba, Jurutera, Doktor, Tentera, Hakim dan Juruterbang sebagai salah satu daya tarikan kepada masyarakat terutama bakal pendeposit baharu untuk memulakan penabungan dan pendeposit sedia ada untuk terus mengekalkan komitmen simpanan. Bersesuaian dengan tema BMS 2021, Tabung Impian bagi karakter Angkasawan akan bermula Oktober ini dan selebihnya akan dipromosikan pada setiap bulan dengan jumlah simpanan yang ditetapkan.

Simpan SSPN yang terdiri daripada Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus menawarkan pelbagai keistimewaan kepada masyarakat Malaysia. Simpan SSPN Prime merupakan instrumen simpanan tanpa komitmen bulanan yang memberikan keistimewaan seperti pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000.00, perlindungan takaful secara percuma, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000.00 dan simpanan dijamin oleh Kerajaan.

Simpan SSPN Plus pula menawarkan enam (6) pakej yang menarik dan mampu dimiliki. Pelbagai keistimewaan dan manfaat yang lebih menarik akan dinikmati oleh pendeposit antaranya perlindungan manfaat takaful sehingga RM1.2 juta dan perlindungan sehingga umur pendeposit 69 tahun selain menawarkan pelbagai manfaat sedia ada. Selain itu, terdapat Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021 yang menawarkan hadiah utama Gold Bar bernilai RM150,000 dan hadiah lain bernilai hampir RM320,000.

—

(Pa&Ma D Parents adalah komuniti yang menghimpunkan semua yang bergelar ibu bapa & diwujudkan sebagai menyokong perjalanan mereka sepanjang membesarkan anak di era milenium dan akan berkongsi info, artikel dan pelbagai promo aktiviti or event dianjurkan oleh Pa&Ma. Join channel Telegram Pa&Ma D Parents (<https://t.me/pomadparents>)

<https://www.majalahpama.my/ibu-ayah-kena-jadi-superhero-anak-anak-kalau-nak-masa-depan-mereka-terjamin-mulakan-dari-sekarang/>